

'Tindakan tegas rendah darjat manusia, agama'

Anwar ingatkan isu perkauman jangan diguna untuk kepentingan peribadi

Oleh Ilah Hafzi Aziz
illahhafiz.abdulaziz@bh.com.my

Kuala Lumpur: Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, tindakan sesetengah parti politik yang menunggang isu agama dan kaum untuk kepentingan peribadi akan memusnahkan keharmonian kaum dan rakyat.

Sambil mengingatkan supaya tindakan itu dihentikan, Perdana Menteri berkata, isu agama tidak boleh dijadikan senjata politik kerana tindakan itu seperti membakar diri sendiri.

"Pada bulan Ramadan dan hari Jumaat yang mulia ini, kita mahu memberi pandangan dan nasihat kepada rakyat, agar tidak melanggar jalur peraturan dan hukum (dalam isu kaum dan agama).

"Terutama pimpinan mana-mana parti atau masyarakat, jangan (guna) isu ini untuk kepentingan peribadi kerana jika ia diteruskan, ia akan membakar dan memusnahkan rakyat," katanya ketika ditemui selepas menunaikan solat Jumaat di Masjid Teras Jernang, di sini semalam.

Yang turut hadir, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Datuk Dr Mohd Na'im Mokhtar dan Ahli Parlimen Bangi, Syahredzan Johan.

Mengulas lanjut, Anwar berkata, kerajaan akan bertindak te-



Anwar bersalaman dengan jemaah selepas menunaikan solat Jumaat di Masjid Teras Jernang, Kampung Teras Jernang, Bangi, semalam.

(Foto Aizuddin Saad/BH)

gas terhadap tindakan penghinaan dan merendahkan darjat manusia dan agama.

"Tindakan itu tidak dibolehkan apatah lagi dalam (situasi) negara yang pelbagai kaum dan agama.

"Islam adalah agama Persekutuan yang kita martabatkan dan keharmonian perlu dijaga. Jangan gunakan (agama dan kaum) sebagai senjata politik kerana ia akan membakar diri," katanya.

Kelmarin, Ketua Polis Negara, Tan Sri Razarudin Husain, berkata polis memberi amaran untuk mengambil tindakan tegas mengikut segala undang-undang yang ada terhadap sesiapa juga yang memanaskan isu 3R (agama, kaum dan Raja) sehingga mengganggu keharmonian dan

keselamatan negara.

Isu berkenaan tercetus apabila enam kakitangan radio Astro termasuk tiga deejay memuat naik video yang disifatkan menghina agama Hindu. Tindakan pihak berkuasa terhadap enam terbabit menimbulkan reaksi pula daripada kalangan orang Islam.

Ikut saluran undang-undang

Sementara itu, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Datuk Dr Mohd Na'im Mokhtar, berkata Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) bekerjasama dengan agensi penguat kuasa lain seperti polis dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (MCMC), majlis agama Islam dan jabatan agama Islam negeri bagi memastikan kes penghinaan Islam dibawa ke mu-

ka pengadilan.

Katanya, mana-mana pihak yang didapati menghina Islam akan disiasat mengikut saluran undang-undang.

"Seperti mana proses siasatan dan pendakwaan kes penghinaan Islam sebelum ini, ia menunjukkan bahawa kepentingan awam diambil kira bagi menjaga keharmonian bernegara.

"Agensi di bawah seliaan Menteri di JPM (Hal Ehwal Agama) menyokong penuh penegasan Perdana Menteri yang menyatakan bahawa kerajaan akan mengambil tindakan kepada sesiapa sahaja terbabit dengan perbuatan menghina agama tanpa pilih kasih selaras dengan peruntukan undang-undang negara," katanya dalam kenyataan semalam.